

ISU 1 | 2021


Buletin FTMK



**Sedekah
Amalan Murni**

**Jauhi
Hasad Dengki**

HATI



**National
CODEWAR 2020
Mendapat Sambutan**

**Platform
Pembangunan Web
- Kenapa Wordpress**

**Pelaksanaan
Pameran Bengkel 2
Era Norma Baharu**

**Data Flow Diagram
Overcoming the
Common Mistakes**

IMPAK MEDIA SOSIAL KEPADA ORGANISASI PEMASARAN DI MEDIA SOSIAL

**AMALAN PEJABAT HIJAU
PERALATAN JIMAT TENAGA**



Isi Kandungan

PROGRAM-PROGRAM DI FTMK

National CODEWAR 2020 Mendapat Sambutan	02	Pameran Bengkel 2 Era Norma Baharu	04	Pemasaran di Media Sosial	06	KARYA ILMIAH	Data Flow Diagram (DFD): Overcoming the Common Mistakes	08
---	----	---------------------------------------	----	------------------------------	----	--------------	--	----

SESI PERKONGSIAN

Platform Pembangunan Web – Kenapa Wordpress?	11	Amalan Pejabat Hijau	14	Peralatan Jimat Tenaga	16	Impak Media Sosial kepada Organisasi	17
Sedekah Amalan Murni	21	Jauhi Hasad Dengki	23	Hati	25		

Pengurusan FTMK

Dekan

Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad

Timbalan Dekan (Akademik)

Ts. Dr. Zulkiflee Muslim

Timbalan Dekan

(Penyelidikan & Pengajaran Siswazah)

Profesor Madya Ts. Dr. Sabrina Ahmad

Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar)

Profesor Madya Dr. Mohd Hafiz Zakaria

Timbalan Pendaftar

Sharifah Nurul Faridah Syed Abu Bakar

Penolong Pendaftar Kanan

Norhidayah Mohd Zainudin

Ketua Jabatan

Ts. Dr. Mohd Rizuan Baharon

Dr. Nor Hafeizah Hassan

Ts. Dr. Hamzah Asyrani Sulaiman

Dr. Siti Azirah Asmai

Ts. Dr. Noraswaliza Abdullah

Sidang REDAKSI

Penasihat

Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad

Ketua Editor

Dr. Norhazwani Md Yunos

Editor

Ts. Dr. Aslinda Hassan

Ts. Dr. Lizawati Salahuddin

Ts. Zakiah Ayop

Grafik

Penerbit Universiti

Penulis

Ts. Erman Hamid

Ts. Dr. Norharyati Harum

Dr. Nurul Azma Zakaria

Dr. Nur Zareen Zulkarnain

Zuraini Othman

Ts. Abdul Razak Hussain

Ts. Dr. Nazrulazhar Bahaman

Prof. Madya Ts. Dr. Norasiken Bakar

Dr. Shekh Faisal Abdul Latip

Ts. Ariff Idris

Azean Ahmad

Rohaya Ibrahim

Zuraida Abdul Hadi

Prof. Madya Dr. Robiah Yusof

Prof. Madya Dr. Siti Rahayu Selamat

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita saksikan penerbitan sebuah majalah yang menjadi kebanggaan warga FTMK, iaitu Buletin FTMK Isu 1/2021. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada team sidang redaksi kerana bersatu hati mengerah keringat dalam pengumpulan artikel sebagai wadah untuk dikongsi bersama seluruh warga FTMK khususnya dan seluruh warga UTeM amnya.

Seperti sebelumnya, penerbitan Buletin FTMK Isu 1/2021 ini merekodkan aktiviti-aktiviti serta program-program yang berjaya dijalankan secara dalam talian. Selain itu, buletin ini turut memuatkan perkongsian-perkongsian ilmu yang bermanfaat untuk pembaca-pembaca sekalian. Diharap dengan perkongsian ini, dapat memberikan impak yang positif kepada semua pembaca.

Sebagai ketua editor Buletin FTMK Isu 1/2021, saya mewakili sidang redaksi Buletin FTMK merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang artikel dan seluruh warga FTMK yang terlibat dalam menyumbang idea sehingga terhasilnya wadah FTMK kali ini.

Dari Maja EDITOR

Semoga kita terus berkarya!
Terima kasih.

Dr. Norhazwani Md Yunos
KETUA EDITOR, BULETIN FTMK

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah SWT, selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarganya serta para pengikutnya.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pengerusi dan Jawatankuasa Penerbitan Ilmiah FTMK kerana telah berjaya menerbitkan Buletin FTMK bagi sidang kali ini. Ucapan terima kasih juga kepada warga kerja FTMK yang telah berusaha menjayakan semua aktiviti sama ada di peringkat fakulti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2020. Banyak kejayaan yang telah dicapai di mana buletin ini menjadi medium untuk kita sama-sama melakar sejarah dan sebagai arkib kepada kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh fakulti.

Saya berharap penerbitan buletin ini dapat membantu mengembangkan ilmu yang bermanfaat dan dikongsi kepada seluruh pembaca khusus warga fakulti. Ia sejajar dengan peranan fakulti iaitu sebagai penjana ilmu pengetahuan. Amatlah diharapkan agar artikel-artikel yang dihasilkan pada buletin ini dapat menjadi bahan pemangkin kepada pencarian ilmu pengetahuan selain ianya menjadi bahan-bahan pengajaran di bilik kuliah, perkongsian idea dan bacaan santai.

Buletin ini juga membuka peluang kepada gabungan penulis sedia ada serta penulis baharu di FTMK untuk mengasah bakat, memupuk minat dan berkongsi pendapat serta mengetengahkan kepakaran melalui penulisan.

Akhir sekali, bagi pihak fakulti saya mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak yang terlibat terutama sidang redaksi Buletin FTMK dan semua yang terlibat dalam menyumbang bahan, idea, masa dan tenaga bagi menerbitkan buletin ini. Mudah-mudahan, usaha ini diberkati Allah SWT dan memberi manfaat kepada semua.

Tidak terlebih tidak terkurang,
Ilmu dituntut untuk peluang;
Pena berlari menutup ruang,
Tertulis Hasrat Kejayaan terjulang.

Salam hormat.
Selamat membaca!

Sekapur Sirih DARI DEKAN FTMK

Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad,
DEKAN, FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI



'NATIONAL CODEWAR 2020' MENDAPAT SAMBUTAN



Oleh: Ts. Erman Hamid, Ts. Dr. Norharyati Harum & Dr. Nurul Azma Zakaria

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menganjurkan 'National Codewar Competition 2020', iaitu pertandingan atas pengaturcaraan peringkat kebangsaan khusus kepada pelajar sekolah rendah (awam dan swasta) daripada seluruh negara.




Pertandingan yang mendapat sambutan menggalakkan sehingga lebih 100 penyertaan ini, dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi Scratch 2.0 sebagai platform pembangunan aplikasi pengaturcaraan. Ianya terbahagi kepada dua kategori iaitu Permainan Komputer dan Video Animasi.

Mengangkat isu global berkait penularan wabak COVID-19 yang bermula awal tahun 2020, tema 'Jom Sihat' dipilih, di mana setiap peserta perlu membangunkan aplikasi pengaturcaraan tersebut di dalam ruang lingkup tema yang diberikan.



Pertandingan ini mendapat sokongan daripada ibu bapa dan guru-guru kepada peserta yang mengambil bahagian, dengan komitmen dan usaha ibu bapa dan guru melatih serta membimbing pelajar membangunkan aplikasi mengikut terma dan syarat pertandingan.

Pertandingan yang dianjurkan secara sepenuhnya dalam talian ini menggunakan platform media sosial Facebook dan Instagram 'National Codewar Competition 2020' (<https://www.facebook.com/CodeWarTerritory>) sebagai medium rasmi penganjuran melibatkan hebatan, pengiklanan, penyampaian maklumat, sehingga kepada pengumuman pemenang pertandingan. Peserta diberikan tempoh tiga bulan untuk membangunkan perisian bermula awal September sehingga pertengahan November.




Tangkap layar video persembahan penyertaan Saudara Wafiy Ammar dan Saudari Fatin Rania Azhari yang merupakan juara bagi kedua-dua kategori.



Seramai lebih 30 orang juri profesional daripada latar belakang Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan terlibat dalam proses penilaian pertandingan. Proses penilaian ini terbahagi kepada dua fasa bagi memastikan pemilihan pemenang dilakukan secara telus, tepat dan profesional. Keputusan pertandingan telah diumumkan pada 3 Disember 2020 dan senarai pemenang adalah seperti berikut:

	Kategori Permainan Komputer	Kategori Video Animasi	Hadiah
Tempat Pertama	Wafiy Ammar (Sekolah Rendah I-Musleh, Melaka)	Fatin Rania Azhari (Sekolah Kebangsaan Jalan 3, Selangor)	RM500 & Sijil Penyertaan
Tempat Kedua	Muhammad Imran Zikri Khairulsaid (Sekolah Kebangsaan Sri Tebrau, Johor)	Muslihuddin Nabil Mazwir (Sekolah Kebangsaan Tun Syed Shahabudin, Melaka)	RM300 & Sijil Penyertaan
Tempat Ketiga	Muaz Shahril (Sekolah Kebangsaan Lesung Batu, Melaka)	Chan Khee Heong (Sekolah Kebangsaan Sri Tebrau, Johor)	RM100 & Sijil Penyertaan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Pelaksanaan **PAMERAN BENGKEL 2** Era Norma Baharu

Oleh: Dr. Nur Zareen Zulkarnain


Pameran Bengkel 2 adalah acara tahunan yang diadakan untuk mempamerkan hasil projek berkumpulan usaha daripada pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer mereka. Saban tahun, pameran yang menjadi kemuncak pelaksanaan subjek Bengkel 2 ini, dijalankan secara bersemuka di mana para pelajar akan mempamerkan produk mereka di beberapa makmal di FTMK dan para pelawat termasuk para juri, pensyarah serta pelajar lain akan melihat dan bertanya soalan mengenai hasil projek mereka. Namun begitu, pada era norma baharu ini, pameran bersemuka seperti sebelum ini tidak lagi dapat dijalankan kerana para pelajar dan juga pensyarah kini bekerja dan belajar dari rumah.

Bagi meneruskan kelangsungan dan kemeriahan Pameran Bengkel 2 untuk sesi 1 semester 2020/2021, wakil Jawatankuasa Bengkel 2 bagi program BITI telah mengambil inisiatif dengan membangunkan sebuah platform digital yang membolehkan pameran dijalankan secara maya. Platform digital ini yang boleh diakses melalui alamat <http://ftmk.utm.edu.my/bengkel2/> menggunakan pendekatan di mana terdapat bilik-bilik bagi penyampaian projek serta ruang pameran maya bagi setiap kumpulan yang bertanding. Menggunakan konsep persidangan, 15 kumpulan pelajar dibahagikan secara rawak di dua bilik persembahan. Setiap bilik persembahan akan diadili oleh dua orang juri jemputan dari industri dan


boleh dihadiri oleh para pelawat yang tidak terhad hanya dari FTMK atau UTeM, malah dari mana-mana pelosok dunia. Sepanjang sesi persembahan, kehadiran pelawat adalah memberangsangkan dan mencatat hampir 50 orang pelawat. Selain dua bilik persembahan, pameran maya ini juga mempunyai sebuah bilik umum yang digunakan bagi majlis penutup dan pengumuman pemenang.

Setiap kumpulan turut diberikan sebuah ruang pameran maya bagi membolehkan para pelajar mempamerkan poster projek mereka yang turut diadili berserta video promosi. Cara ini bukan sahaja membolehkan para pelawat melihat hasil kerja mereka pada bila-bila masa dan dari mana-mana sahaja, malah turut boleh digunakan sebagai bahan promosi bagi menonjolkan kebolehan para pelajar FTMK seterusnya menarik minat lebih ramai pelajar luar untuk menyambung pelajaran UTeM. Rata-rata maklum balas yang diterima daripada para juri, pensyarah dan pelajar adalah positif mengenai pelaksanaan pameran ini. Para juri dari industri juga turut berpuas hati dengan hasil kerja para pelajar yang dipersembahkan sepanjang Pameran Bengkel 2 ini dan secara tidak langsung menyatakan kualiti para pelajar yang ada di FTMK. Walaupun norma baharu membawa bersama pelbagai cabaran, pelaksanaan Pameran Bengkel 2 secara maya ini membuktikan bahawa tiada cabaran yang tidak dapat diatasi dengan adanya keazaman.






Laman Utama



Virtual Booths




Contoh Ruang Pameran



Contoh Sesi Persembahan daripada Pelajar



Contoh Sesi Persembahan daripada Pelajar



Contoh Sesi Persembahan daripada Pelajar

PEMASARAN DI MEDIA SOSIAL

Oleh: Zuraini Othman

Jawatankuasa ICT dan Masyarakat, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah memulakan inisiatif bagi meningkatkan penguasaan teknologi dalam kalangan masyarakat pada tahun 2020 melibatkan pemilik industri kecil dan sederhana (IKS).

Pelbagai program telah diatur bagi membantu masyarakat seperti pelajar serta peniaga kecil dan sederhana untuk memantapkan kemahiran dan penguasaan mereka terhadap teknologi serta meningkatkan pengetahuan dan mempunyai daya saing yang diperlukan bersetujuan dengan kehendak pasaran.

Usaha ini diteruskan pada tahun 2021. Antara program yang telah diadakan ialah Kursus Pemasaran di Media Sosial anjuran bersama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Kursus ini diharap dapat memberi impak untuk jangka masa yang panjang dalam memperkuuhkan kebolehan masyarakat untuk menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Kursus Pemasaran di Media Sosial telah dijalankan secara dalam talian menerusi medium Google Meet pada 2 Mac 2021. Moderator program ini ialah Puan Zuraini Othman manakala ceramah disampaikan oleh Encik Zulkifli Maskuri. Kursus ini disertai seramai 60 orang peserta yang berumur di antara 20 sehingga 60 tahun, dan terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Kebanyakan peserta adalah daripada warga negeri Melaka dan ada juga daripada negeri Perak dan Selangor.



PEMASARAN DI MEDIA SOSIAL

Tarikh : 2 Mac 2021 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi - 12.00 tengahari
Medium Kursus : Google Meet

Pendaftaran terbuka kepada semua rakyat negeri Melaka


PEMASARAN MEDIA SOSIAL (WHATSAPP GROUP)



Sila Hubungi :
Hany 011-26817345
untuk maklumat lanjut




ANJURAN BERSAMA :
Bahagian Teknologi Maklumat, MBMB & JK ICT & Masyarakat FTMK, UTeM



Antara pengisian kursus ini ialah perbincangan peranan media sosial dalam pemasaran produk dan peserta di beri tunjuk ajar langkah demi langkah bagi memulakan pemasaran di media sosial yang jarang diketahui oleh umum. Peserta turut didedahkan dengan kelebihan menggunakan media sosial untuk pemasaran dan beberapa panduan mengiklan di media sosial. Peserta juga diingatkan tentang undang-undang dan akta komunikasi dan multimedia di samping hak cipta beserta etika yang perlu diikuti.

Daripada hasil maklum balas selepas program, kebanyakkan peserta menyambut baik penganjuran program ini dan mencadangkan supaya diperbanyakkan lagi bagi meningkatkan kemahiran peniaga-peniaga dalam memasarkan produk atau perkhidmatan mereka.



Siri webinar seperti ini akan diteruskan penganjurannya sepanjang tahun dan akan memberi penekanan kepada kursus kemahiran ICT kepada penduduk setempat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan pelbagai peringkat umur. Semoga usaha murni ini dapat memberi manfaat pada masyarakat sekitar negeri Melaka dan sekitarnya.

Data Flow Diagram (DFD): Overcoming the Common Mistakes

By: Ts. Abdul Razak Hussain

DFD? ERD? Which one to use?




Data flow diagram (DFD) and entity relationship diagram (ERD) are two common diagrams used to graphically represent elements at certain stages in a system development lifecycle. While DFDs are used in the analysis stage to represent the flow of data, ERDs are used in the design stage to reflect the relationships among the entities.

These two diagrams are used extensively by Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) final year students in their final year reports. Over the years, the students may have overlooked the importance of DFDs in conveying WHAT data moves in and out, HOW data is transformed and WHERE data is stored within the system. Perhaps the low motivation and the perception that creating such diagrams are burdensome tasks, students kept on making mistakes when creating DFDs. This article highlights the common mistakes when creating DFDs and provides graphical tips on how to properly create DFDs.

Getting Your DFD Right from the Beginning

The Symbols

The four basic symbols in DFD represent process, external entity, data flow and data store.

DFD Symbol	DFD rules to follow
Process 	<ul style="list-style-type: none"> + begins with a verb + context diagram process is labelled 0. Subsequent processes are numbered with respect to its parent process + must have at least one input data flow and one output data flow + must be connected to a process, external entity or data store
External Entity 	<ul style="list-style-type: none"> + labelled as a noun + must be connected to a process + must have at least one input data flow or output data flow
Data flow 	<ul style="list-style-type: none"> + labelled as a noun (no verb); input data flow label should be different from output data flow (since data has been processed) + can appear between: <ul style="list-style-type: none"> ✓ process and process ✓ process and external entity ✓ process and data store + input data flow should be sufficient to produce output data flow + cannot use two arrow heads \longleftrightarrow; instead use $\overleftrightarrow{}$
Data Store 	<ul style="list-style-type: none"> + labelled as a noun (no verb) + must have at least one input and one output + can be mapped to an entity in the entity relationship diagram (ERD)

The Diagrams

Diagram Type	Diagram Example
<p>Context diagram</p> <ul style="list-style-type: none"> + must show only one process (normally labelled as the proposed system). No detailed processes + consists of at least two external entities + must have at least one input data flow and one output data flow + cannot have data store + the number of input data flows and output data flows must equal (balanced) to that of subsequent diagrams 	
<p>DFD Level 0</p> <ul style="list-style-type: none"> + must show all major processes + numbered as 1.0, 2.0, .., n.0 + can show data store + the number of input data flows and output data flows must equal (balanced) to that of preceding diagram 	
<p>DFD Level 1</p> <ul style="list-style-type: none"> + must show sub-processes of preceding DFD Level 0 + numbered (for process 1.0) as 1.1, 1.2, .., 1.n + the number of input data flows and output data flows must equal (balanced) to that of preceding diagram + DFD Level 2 and above is not recommended for Final Year Project (unless necessary) 	

Common Mistakes in DFD

Mistakes in DFD to avoid	The correct DFD
<p>1 No process to move data flow</p> <p>2 Output has same name as input</p> <p>3 Data store has no input</p> <p>4 Process F has no output</p> <p>5 Process D has no input</p> <p>6 Data flows should not have two-headed arrows</p> <p>7 Data store has no output</p> <p>8 No process to move data flow</p>	<p>1 No process between Entity A and Entity B ► Insert a process to move data</p> <p>2 Process V has same input and output names ► Use different name for output Z to differentiate with input Z</p> <p>3 Data store has no input ► Include data input to Data Store P</p> <p>4 Process F has no output ► Insert a data output flow from Process F</p> <p>5 Process D has no input ► Insert a data input flow into Process D</p> <p>6 Data flow with two-headed arrows ► Show separate data input and data output flows</p> <p>7 Data Store H has no output ► Insert a data output flow from Data Store H</p> <p>8 No process to move data flow ► Insert a process between Entity A and Data Store H</p>

In A Nutshell

DFD is NOT a flow chart that show the sequence of processes. DFD shows WHAT data moves in and out, HOW data is transformed and WHERE data is stored within the system. One simple rule to remember whenever creating or checking a DFD: A process must be present at either end of a data flow.

Bibliography

1. Dennis, Wixom & Roth (2019) Systems Analysis and Design 7th Ed. John Wiley and Sons.
2. What is Data Flow Diagram? <https://www.visual-paradigm.com/guide/data-flow-diagram/what-is-data-flow-diagram/> (last accessed: 5 March 2021)
3. Context and Level 1 Data Flow Diagram Examples with Explanation and Tutorial. <https://www.intellspot.com/data-flow-diagram-examples/> (last accessed: 5 March 2021)
4. Using Data Flow Diagrams (DFDs). <https://www.w3computing.com/systemsanalysis/using-data-flow-diagrams/> (last accessed: 15 March 2021)
5. What is a Context Diagram and what are the benefits of creating one? <https://www.modernanalyst.com/Careers/InterviewQuestions/tabid/128/ID/1433/What-is-a-Context-Diagram-and-what-are-the-benefits-of-creating-one.aspx> (last accessed: 30 March 2021)

PLATFORM PEMBANGUNAN WEB – KENAPA WORDPRESS?

Oleh: Ts. Erman Hamid & Ts. Dr. Nazrulazhar Bahaman

Tahukah anda pemilihan platform pembangunan laman web adalah tindakan awal dan penting dalam membangunkan laman web? Memilih platform yang tepat, atau dalam perkataan yang lebih mudah – memilih sistem pengurusan kandungan (*Content Management System - CMS*) yang sesuai adalah sangat penting kepada kelangsungan sesebuah laman web tersebut.

Ia sangat penting memastikan CMS yang dipilih mampu menampilkan laman web yang berkualiti, sesuai keperluan semasa, dengan alatan sokongan dan pilihan penyesuaian yang luas dan mudah digunakan. Dengan terlalu banyak pilihan CMS dalam pasaran, ia sangat penting buat pembangun laman web membuat keputusan yang betul dalam memilih platform pembangunan laman web yang sesuai.

Wordpress merupakan contoh pilihan yang baik sebagai platform pembangunan laman web. Ianya percuma, dalam kategori CMS sumber terbuka dan datang dengan pelbagai kerangka kerja pembangunan laman web daripada templat yang paling asas sehingga kepada blog-blog e-pembelajaran dan e-perdagangan. Ia sangat mudah digunakan, dengan ciri sokongan yang anjal mengikut keperluan pengguna.



Sumber – <http://wordpress.org>

Berikut adalah lima sebab kenapa Wordpress menjadi pilihan.

1. Percuma, tanpa kos

Salah satu sebab Wordpress sangat popular adalah kerana ianya percuma. Ini bermakna Wordpress boleh digunakan tanpa perlu mengeluarkan sebarang kos seberapa lama yang dimahuakan. Ia tersedia dengan percuma merangkumi tema (themes) laman web, pemalam (plug-ins), dan banyak lagi alatan sokongan untuk menghasilkan laman web dengan ciri menarik, popular, professional dan terkini.

Wordpress percuma kerana ianya kategori CMS sumber terbuka, dengan platform yang sentiasa dikemas kini dan mudah disesuaikan dengan keperluan penggunaan. Ianya memiliki komuniti pengguna yang besar, yang bermakna perbincangan mengenai penggunaan Wordpress banyak terdapat di blog dan forum percuma membolehkan semua pengguna Wordpress mendapat manfaat di dalam menambahkan ilmu dan pengetahuan di dalam meladeni Wordpress.



2. Sangat mesra pengguna

Platform dibekalkan Wordpress sangat mesra pengguna, dengan aras antaramuka yang pelbagai merangkumi jenis pengguna dengan pengetahuan paling minimum dalam pembangunan laman web bermula antaramuka dengan prinsip What You See Is What You Get (WYSIWYG) sehingga kepada aras pengguna yang mahir dalam pembangunan laman web peringkat tinggi melibatkan pengekodan Hyper Text Markup Language (HTML) dan Cascading Style Sheets (CSS).

Pengguna dengan pengetahuan pembangunan web yang benar-benar rendah tidak perlu risau tidak mempunyai pengetahuan pengaturcaraan ketika menggunakan Wordpress kerana ianya dibekalkan dengan papan pemuka yang sangat ringkas dan mudah dimanipulasi dengan ciri-ciri navigasi yang tidak kompleks, pelarasian dan penyesuaian tetapan yang tidak menyukarkan, malah pemasangan tema dan pemalam juga dibantu dengan tutorial yang jelas.

Namun ia tidak hanya menyanggupi golongan pengguna dengan aras pengetahuan pembangunan web yang rendah, Wordpress juga sangat berkuasa dengan keupayaan ‘under the hood’, yang memberikan pengguna melakukan ‘customization’ terhadap setiap aspek kepada laman web yang dibangunkan dengan ‘widget’ dan pemalam yang membolehkan pengguna dengan kebolehan teknikal pembangunan web membangunkan laman web mengikut citarasa tersendiri tanpa terikat dengan templat yang disediakan.

3. Tema dan pemalam yang berkuasa dan fleksibel

Ciri utama Wordpress yang menyebabkan ianya sesuai untuk semua peringkat pengguna adalah tema (themes) dan pemalam (plug-ins) yang ditawarkan. Penawaran kedua-dua ciri ini membolehkan laman web dengan Wordpress ditampilkan dengan pelbagai rekabentuk dan fungsi, membolehkan ianya unik mengikut selera pembangun laman web itu sendiri. Terdapat banyak tema dan pemalam yang percuma, dan kesemuanya tersedia digunakan oleh pengguna.

Tema adalah contoh rekabentuk laman web yang disediakan oleh Wordpress untuk dimanipulasi penggunanya. Ianya terdiri daripada pelbagai kategori daripada peribadi, pendidikan, perniagaan, sehingga kepada korporat; meliputi sumber-sumber pembangunan laman web seperti gambar, pilihan ‘font’ dan warna; membolehkan pembangun

lanan web dipandu dan dibantu membangunkan laman web dengan ciri sewajarnya.

Pemalam pula adalah ciri-ciri tambahan dalam Wordpress yang berupaya membantu pembangun laman web membangunkan laman web yang sofistikated. Kuantiti pemalam ditawarkan Wordpress adalah sangat luas, sehingga cakaplah apa sahaja yang ingin diletakkan ke dalam laman web tersebut, ianya dibekalkan di dalam pemalam. Contoh kefungsian laman web, dibekalkan pemalam Wordpress adalah laman web pendua dalam versi bahasa berbeza, pengira jumlah pengunjung yang melawat laman web dan medan carian enjin carian.

Astra, Divi dan Essence Pro adalah contoh tema Wordpress yang popular, sementara HubSpot WordPress Plugin, Yoast SEO, dan Elementor adalah contoh pemalam yang terdapat dalam pasaran sekarang ini.

4. Dilengkapi ciri keselamatan

Memastikan laman web yang dibangunkan selamat daripada digodam adalah kemestian seseorang pembangun laman web. Jangan risau dengan Wordpress kerana ianya dilengkapi dengan ciri keselamatan, memastikan setiap maklumat dan kandungan dalam laman web tersebut selamat daripada digodam. Ianya percuma, dengan kemaskini berkala berkait ciri keselamatan ini dengan pemakluman jika terdapat sesuatu yang mencurigakan sedang meladeni laman web pengguna.

Jika ciri keselamatan yang dibekalkan secara percuma tidak memadai, pembangun laman web dibekalkan pemalam keselamatan yang lebih baik ciri keselemaannya dan ianya boleh didapatkan dengan percuma ataupun dengan bayaran yang berpatutan. Wordfence Security contohnya, adalah sejenis pemalam keselamatan yang komprehensif dan popular. Ia mengandungi pengimbas perisian hasad (malware) yang berupaya memberikan notifikasi segera jika terdapat isu melibatkan perisian hasad tersebut dengan laman web. Wordfence Security sangat popular dengan muat turun mencecah 3 juta pengguna.

Kesiap siagaan keselamatan Wordpress sangat menyeluruh dengan ciri-ciri seumpama ‘firewall’ yang berfungsi menapis setiap masukan ke dalam sesebuah platform laman web, pemantauan terhadap trafik capaian laman web itu sendiri sama ada secara masa nyata ataupun log capaian, protokol pengesahan log masuk, dan pengehadan cubaan log masuk. Ciri-ciri keselamatan yang dibekalkan ini menjadikan Wordpress sebuah platform pembangun laman web yang boleh dipercayai dan popular.



5. Keutamaan dalam enjin carian

Memiliki laman web akan menjadi lebih bermakna jika ianya mudah didapatkan menggunakan enjin carian. Dalam makna mudah, ianya boleh ditemui oleh pengguna yang tidak tahu tentang kewujudan laman web tersebut pun tetapi boleh didapatkan dengan hanya melakukan carian di dalam enjin carian seperti Google, Bing, Yahoo, Baidu dan AOL. Ia jika boleh, laman web yang dibangunkan tersenarai dalam senarai keutamaan carian, bukannya berada di muka surat ke 100 hasil carian tersebut.

Wordpress tampil dengan kebolehan ini oleh penyesuaian dengan amalan Search Engine Optimization (SEO). Ianya bermaksud 'menyesuaikan' laman web dengan enjin carian supaya ianya dapat dicari dengan mudah oleh sesebuah enjin carian tersebut, dan memaparkannya dalam hasil carian yang relevan. Wordpress menawarkan pemalaman khusus untuk tujuan ini, Yoast SEO contohnya, yang menjadikan kandungan laman web Wordpress ini (baik berdasarkan komputer peribadi maupun peranti mudah alih) terhubung terus dengan enjin carian dengan ciri-ciri yang membolehkan laman web tersebut berada di dalam senarai keutamaan carian.



Laman web FTMK UTeM yang menggunakan platform Wordpress.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA dalam AMALAN PEJABAT HIJAU

Oleh:

Prof. Madya Ts. Dr. Norasiken Bakar, Dr. Shekh Faisal Abdul Latip, Ts. Ariff Idris, Azean Ahmad, Rohaya Ibrahim & Zuraida Abdul Hadi

PENDAHULUAN


Artikel ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai amalan hijau dan kaedah mengurus aktiviti amalan hijau secara konsisten. Staf, pelajar dan individu yang berurusan dengan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) juga akan diterapkan nilai-nilai murni dalam usaha melestarikan alam dan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar disebabkan oleh aktiviti dan amalan seharian. Mereka juga akan dibimbing untuk menjadi agen kesedaran yang menerangkan mengenai faedah Amalan Hijau kepada rakan, keluarga dan masyarakat.

AMALAN PEJABAT HIJAU

- **Pencahayaan, Penghawa Dingin, Komputer dan Skrin TV**


Salah satu kaedah bagi memulakan amalan pejabat hijau sebagai langkah penjimatan adalah dengan cara bertukar kepada lampu kalimantang mampat atau lampu LED untuk pencahayaan dalaman.

Walaupun lampu-lampu ini sedikit mahal berbanding lampu mentol biasa, ia menggunakan hanya suku daripada jumlah tenaga yang digunakan oleh lampu mentol biasa serta mempunyai jangka hayat 10 kali ganda lebih lama daripada lampu mentol biasa.



Kaedah yang paling efisyen sebagai langkah penjimatan adalah dengan menggunakan cahaya semula jadi untuk mencerahkan bilik iaitu buka langsir pada waktu siang berbanding membuka lampu.

Gunakan lampu meja jika pencahayaan banyak diperlukan ketika membaca. Ini dapat mengelakkan penggunaan pencahayaan sekeliling bilik.



Jika keadaan bilik terlalu sejuk ketika menggunakan penghawa dingin, elakkan daripada membuka tingkap atau pintu bagi mengurangkan kesejukan, tetapi padamkan atau naikkan suhu penghawa dingin ke suhu yang lebih tinggi. Membuka tingkap atau pintu tanpa memadamkan penghawa dingin akan menyebabkan penggunaan tenaga yang lebih tinggi oleh sistem penghawa dingin untuk menstabilkan suhu bilik.

Penggunaan komputer riba (laptop) atau skrin rata komputer juga mampu mengurangkan penggunaan tenaga. Komputer riba menggunakan hampir 30 % kurang tenaga berbanding komputer meja (desktop).



• Percetakan, Mesin Fotokopi dan Pencetak

Apabila ingin mencetak, gunakan lima cara berikut bagi menjimatkan kertas pejabat

- Guna kedua belah helaian kertas.
- Buat salinan digital; baca, hantar dan simpan secara digital.
- Fikir dahulu tentang keperluan untuk dicetak.
- Gunakan kertas kitar semula.
- Kitar semula kertas yang telah digunakan.

Mesin fotokopi atau pencetak perlu dikonfigurasi ke dalam stand by mode atau energy saving mode selepas 10 minit tidak digunakan.

Mesin tersebut mempunyai eco label untuk menjamin keselamatan dan kebersihan persekitaran pejabat.

KESIMPULAN

Amalan pejabat hijau akan dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik untuk menyempurnakan kerja yang setimpal. Di samping itu, mendidik warga fakulti supaya mengurangkan penggunaan tenaga malah mempromosikan kecekapan tenaga.

Tanggungjawab bersama dalam mengamalkan amalan pejabat hijau juga akan dapat memelihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar serta dapat meningkatkan pembangunan ekonomi universiti khasnya fakulti melalui penjimatatan tenaga dan peralatan pejabat. Akhirnya faedah yang paling bermakna dengan amalan tersebut adalah ia dapat meningkatkan kualiti hidup untuk semua insan.



Peralatan/Peranti Jimat Tenaga di FTMK

Oleh:

Ts. Ariff Idris, Zuraida Abdul Hadi, Prof. Madya Ts. Dr. Norasiken Bakar, Dr. Shekh Faisal Abdul Latip, Azean Ahmad, & Rohaya Ibrahim

Peralatan Jimat Tenaga berfungsi untuk membantu Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) bagi mengurangkan kos penggunaan tenaga elektrik dalam pengurusan dan aktiviti sehari-hari di fakulti.

Terdapat pelbagai peralatan yang boleh membantu menjimatkan penggunaan tenaga elektrik antaranya adalah penggunaan Lampu LED, pemasangan Suis Pemasa Tandas (Toilet Timer Switch), pemasangan Termostat Gegelung Kipas (Thermostat Fan Coil) dan pemasangan Sistem Pengurusan Bangunan Kuasa Elektrik (Building Management System (BMS) Power Electric).

Lampu LED

Fakulti telah menggunakan lampu LED untuk semua papan tanda KELUAR di fakulti. Lampu LED hanya menggunakan 1/30 tenaga elektrik. Ukuran lampu LED biasanya berkisar antara 3 hingga 8 mm. Sebagai tambahan lagi, lampu LED memancarkan cahaya ke arah yang spesifik sehingga tidak terlalu memancarkan panas. Lampu ini dapat bertahan antara 30 ribu hingga 50 ribu jam penggunaan. Lampu LED menghasilkan pancaran cahaya putih yang cekap tenaga.



Suis Pemasa Tandas (Toilet Timer Switch)

Suis lampu untuk semua tandas di fakulti telah ditukar kepada suis lampu yang mempunyai tempoh masa. Suis pemasa tandas mempromosikan penjimatan tenaga dengan membolehkan kita memilih pilihan pemasa yang telah ditetapkan. Lampu anda akan sentiasa menyala atau mati secara automatik berdasarkan pemasa yang ditetapkan pada peranti.



Sistem Pengurusan Bangunan Kuasa Elektrik

(Building Management System (BMS) Power Electric)


BMS atau Sistem Pengurusan Bangunan, atau dikenali sebagai sistem automasi bangunan (BAS), adalah sistem kawalan berdasarkan komputer yang dipasang di bangunan yang mengawal dan memantau peralatan mekanikal dan elektrikal bangunan seperti pengudaraan, pencahayaan, sistem kuasa, sistem kebakaran, dan sistem keselamatan. BMS di fakulti akan berfungsi secara automatik di mana masa bekalan tenaga elektrik akan bermula pada jam 7:55 pagi dan masa memutus bekalan elektrik pada jam 5:00 petang. Salah satu contoh pengaplikasian peranti ini adalah kawalan kepada penghawa dingin berpusat di FTMK.



Sumber grafik - <https://www.whatech.com/>

Termostat Gegelung Kipas (Thermostat Fan Coil (TFC))

Termostat gegelung kipas berfungsi menerima air panas atau sejuk, dan menghilangkan haba dari atau menambahkan haba ke udara melalui pemindahan haba.



Sumber grafik - <https://www.neptronic.com/>

Rumusan

Berdasarkan keterangan di atas, boleh dirumuskan bahawa Peralatan/ Peranti Jimat Tenaga yang telah dipasang di fakulti adalah penting dalam penjimatan kos penggunaan tenaga elektrik di fakulti. Pemilihan peralatan Jimat Tenaga juga disesuaikan berdasarkan penggunaan, jenis beban pada jenis peralatan atau peranti elektrik, bagi memastikan kecekapan penggunaan tenaga elektrik tersebut pada tahap yang paling optimum dan efisyen.

IMPAK MEDIA SOSIAL KEPADА ORGANISASI

Oleh: Ts. Erman Hamid & Ts. Dr. Norharyati Harum

Dunia lewat ini heboh dengan media jenis baharu bernama media sosial. Ia sehingga sehari hidup manusia hari ini bagaikan tidak lengkap tanpa diladeni dengan media sosial. Persoalannya, apa yang dimaksudkan dengan media sosial?

Media sosial adalah alatan digital yang membenarkan manusia kebanyakan bertindak seumpama media tradisional yang kita kenali selama ini, sebagai platform menghebatkan, pada masa yang sama mendapatkan berita dan bahan bacaan.

Jika dunia sebelum era media sosial mendapatkan bahan berita dan bahan bacaan daripada media aliran perdana seperti Utusan Malaysia, Berita Harian dan News Straits Times (dalam konteks Malaysia), ini kini sama sekali berubah dengan wujudnya media sosial.

Media jenis baharu ni merupakan alatan digital yang membenarkan pengguna mencipta dan berkongsi maklumat kepada umum, seperti mana sebelumnya dilakukan hanya oleh media aliran perdana pada zaman media tradisional.

Perkembangan teknologi digital dan Internet menyebabkan setiap manusia memiliki platform yang membolehkan mereka membangunkan dan berkongsi cerita dan berita kepada umum. Media sosial berteraskan laman web dan aplikasi berdasarkan telefon, tampil dengan antaramuka yang mesra dan mudah menyebabkan ianya boleh digunakan sesiapa sahaja.

Terdapat pelbagai platform media sosial tersedia sekarang ini dengan setiap darinya hadir dengan fungsi masing-masing, Twitter contohnya, mengkhusus untuk perkongsian maklumat ringkas, sementara Facebook pula dikhaskan untuk maklumat yang panjang dengan bilangan gambar sokongan tanpa had. Instagram menumpu kepada


perkongsian gambar (tidak lebih 10 keping), sementara Tik Tok pula mensasarkan perkongsian video pendek.

Dalam konteks organisasi, media sosial menjadi semakin penting dan diperlukan hari demi hari. Peranan dan impak yang diberikan media sosial kepada kelangsungan organisasi tampak pelbagai dan memberi kesan. Ianya menjadi seolah kemestian kini, dengan media sosial menjadi elemen penghubung antara organisasi dan masyarakat.

Media sosial membolehkan organisasi dekat dengan sasarannya, sekali gus sebagai platform untuk membangunkan jenama; mempromosi perkhidmatan dan jualan dengan mudah, cepat dan tepat kepada persekitaran. Ia seolahnya organisasi terbabit memiliki pekerja tambahan yang bekerja 24 jam sehari, melakukan tugas pemasaran kepada organisasi namun ianya hanya menerusi platform media sosial, tanpa kos dan tidak pula perlu memohon mana-mana pihak lain (di luar organisasi) melakukan tugas tersebut.

Namun media sosial juga memiliki kekurangannya. Jika organisasi tidak menguruskan media sosial dengan baik, ia berupaya memberikan impak negatif kepada organisasi itu sendiri. Ia boleh jadi dalam konteks ketidak upayaan organisasi memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan yang diajukan menerusi media sosial, kegagalan dalam menguruskan komunikasi dalam media sosial, yang akhirnya menyebabkan organisasi mendapatkan impak secara tidak langsung.

Muat naik di media sosial jelas mewakili identiti pemuaikannya, tidak terkecuali organisasi maupun individu, maka setiap pemain media sosial perlu bertanggungjawab sepenuhnya kepada apa yang dimuat naik di platform media sosial.





Bagaimana impak media sosial kepada organisasi?

Sebaran Maklumat – Di manakah tempat terbaik menyebarkan maklumat organisasi jika bukan di media sosial? Media sosial sudah menjadi platform berkesan bagi organisasi menyebarkan maklumat positif berkait organisasi dan ia boleh dilakukan tidak kira masa, tepat dan cepat. Ianya boleh sampai secepat itu juga – pada masa muat naik itu dilakukan; meninggalkan platform laman web yang sebelum ini menjadi pilihan sebaran maklumat organisasi yang sukar kerana melibatkan hal-hal teknikal pengurusan laman web. Hebatnya maklumat seperti penganjuran seminar, kolokium dan bengkel menerusi media sosial (contohnya) lazimnya mampu sampai kepada sasaran dengan lebih cepat dan meluas berbanding medium tradisional seperti poster, surat dan laman web sekalipun.

Pengiklanan – Kaedah pengiklanan popular selama ini adalah menerusi akhbar, radio, televisyen dan risalah. Kesemua kaedah ini kini bukan yang paling cepat dan optimum memenuhi dan mempengaruhi pelanggan. Pengiklanan menerusi akhbar contohnya kerap terlepas pandang dek pembaca oleh tersembunyinya ia di celah-celah bahan berita. Penggunaan radio dan televisyen pula memerlukan pengguna ‘aktif’ di radio dan televisyen mengikuti siaran pengiklanan ketika pengiklanan dijalankan. Penggunaan risalah juga memperlihatkan skop sasaran dan kandungan pengiklanan yang terhad. Ia sangat berbeza dengan media sosial sebagai platform, di mana penyiaran pengiklanan di sosial media boleh dilakukan bila-bila masa, dengan elemen multimedia yang pelbagai dan mampu sampai kepada pengguna secara terus tanpa kos.



PROGRAM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
KEMASUKAN SESI AKADEMIK 2021/2022

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan)
Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer)
Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer)
Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian)
Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data)
Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif)
Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan)
Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi

MOHON SEKARANG!
<https://upu.mohe.gov.my>

Layari kami di:
<https://www.utem.edu.my/>
<http://ftmk.utem.edu.my/>

al-ikhsanSPORTS
FACULTY
PROGRAMME IN
UTEMOP20C3

Brown bag session with Tuan Haji Ali Hassan
– secrets to success

Tuan Haji Ali Hassan
Founder
and Chairman,
Al-Ikhsan Sports
Sdn Bhd

@myftmk

Wednesday
10 March 2021
12 – 1 pm

al-ikhsanSPORTS

*CPD points will be provided for UTeM staff.

Contoh grafik bagi sebaran maklumat mengenai kemasukan ke program akademik dan pengiklanan aktiviti yang dijalankan di media sosial Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

"Successful companies in social media function more like entertainment companies, publishers, or party planners than as traditional advertisers."

– Erik Qualman



Maklum Balas Segera – Masih ingat lagi zamannya maklum balas didapatkan menerusi surat secara terus kepada individu sasaran? Ia melibatkan kos yang banyak dan memakan masa untuk sampai kepada individu sasaran, dan mengambil masa yang lama juga untuk dikembalikan. Jika platform yang digunakan adalah radio dan televisyen, ia juga memerlukan usaha tambahan individu sasaran untuk menghubungi kembali organisasi yang menyebabkan ada pemakluman yang tidak langsung mendapat maklum balas daripada individu sasaran seperti diharapkan. Media sosial sebagai elemen di hujung jari kini adalah medium paling berkesan mendapatkan maklum balas. Sebarang hebatan, pengiklanan dan pemberitahuan boleh sahaja dibalas kembali individu sasaran dengan komenar, menterjemahkan aras penerimaan individu sasaran terhadap pemakluman, produk dan perkhidmatan yang disampaikan dan ditawarkan.

Memenangi Persaingan – Medium apakah yang paling cemerlang digunakan dalam menerangkan dan memberitahu individu sasaran tentang apa yang mahu disampaikan? Platform apakah yang paling berkesan menunjukkan kepada individu sasaran betapa produk dan perkhidmatan yang ditawarkan jauh lebih baik berbanding produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pesaing pesaing lain dalam pasaran? Lain tidak lain adalah media sosial. Media sosial membekalkan sebuah pentas untuk setiap organisasi bersaing secara sihat berbanding apa yang ditawarkan pesaingnya, dan berusaha membaiki produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, termasuklah usaha dan kualiti promosi yang dijalankan. Ia mampu membuatkan setiap organisasi tidak tertinggal daripada apa yang organisasi lain tawarkan oleh terbukanya sistem pemasaran menggunakan platform media sosial itu sendiri.

Lontaran Pendapat – Platform apakah yang lebih sesuai buat organisasi memberitahu kepada persekitaran mengenai itu dan ini, mengenai apa mereka mahu tawarkan dan berikan, tentang falsafah dan pendirian organisasi terhadap sesuatu isu dengan percuma dan luas serakannya kepada individu sasaran? Ia tidak syak adalah media sosial yang menawarkannya dengan percuma, malah sangat bebas buat organisasi mengeluarkan apa sahaja pendirian dan maksud kepada individu sasaran tidak mengira waktu dan kekerapan pemberitahuan. Dalam konteks UTeM contohnya, muat naik di media sosial berulang kali menerangkan tentang perlaksanaan falsafah teknikal yang bersungguh di dalam meladeni kelangsungan dunia akademik dan pekerjaan mengkhusus kepada aliran teknikal boleh dilakukan dengan bebas, kreatif dan tanpa had dengan hanya menggunakan media sosial. Ia boleh dilakukan setiap hari, tanpa perlu membayar kepada sesiapa tetapi sampai terus kepada individu sasaran.

Pengambilan Pekerja/Pelajar – Oleh luasnya skop sebaran media sosial dan betapa murahnya ia di dalam dukungan terhadap sebaran maklumat, media sosial tidak syak adalah platform yang paling sesuai digunakan dalam mendapatkan pekerja dan pelajar baharu bagi organisasi, universiti, kolej dan sekolah. Huraikan segala-galanya di media sosial, sertakan ianya dengan sisipan sokongan seperti video, penghuraian falsafah, keperluan dan syarat-syarat pengambilan; dan lakukan ianya berulang-ulang dengan suntikan ‘testimoni’ yang mampu memberi pengaruh; maka hebatan-hebatan pengambilan pekerja dan pelajar baharu ini boleh jadi sangat berkesan dengan platform media sosial. Era penggunaan poster, iklan di akhbar tradisional dan lembaran-lembaran iklan sudah sangat ketinggalan oleh kekangan kos, masa dan keluasan hebatan; media sosial adalah caranya.



"Everyone starts out with nobody listening to them and nobody to listen to. How and who you add determines what Twitter will become for you."

– Laura Fitton



MINGGU SAINS NEGARA 2020

KEAJAIBAN SAINS

PERTANDINGAN MINGGU SAINS NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN

CODE #WAR Competition 2020

It's a coding competition using Scratch!

Age: 10-12 years old
Category: Video & Game

The winner of each category will receive:
Champion: RM500, e-certificate,
1st Runner: RM300, e-certificate
2nd Runner: RM100, e-certificate

All participant will receive e-certificate of participation
It's fully online, do it at your place, and submit it online!

Registration start from 1 October 2020
For further info, please refer to [facebook](#) [Instagram](#) [/CodeWarTerritory](#)

#minggusainsnegara2020 #keajaibansains #magicofscience

FTMK

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Semester 2 Sesi 20/21 kini bermula.
Selamat Belajar!

[Visit us at <http://ftmk.utm.edu.my>](#)

"All our dreams can come true – if we have the courage to pursue them."

"We are
FTMK UTeM,
We are here
to make
your dreams
come true"

أويفر سیتی بی تکنیکل میسیسیپا مالا

Contoh grafik bagi sebaran maklumat promosi penyertaan pertandingan, hebahan mengenai permulaan semester baharu dan lontaran pendapat yang dijalankan di media sosial FTMK, UTeM.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

FTMK UTeM
March 19 at 7:44 AM · [View on Facebook](#)

SHOPPING RAYA 2021: Sumbangan Anda Diperlukan

Apakah Shopping Raya 2021?
Projek yang bertujuan untuk memberi sumbangan perbelanjaan dan cenderahati dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri untuk pelajar sekolah rendah & sekolah menengah dari golongan kelainan upaya (OKU) dan asnaf (B40).

Siapakah yang terlibat?
Seramai 50 pelajar Kelainan Upaya (OKU) dari sekolah rendah & sekolah menengah dari sekitar Melaka.

Bilakah Shopping Raya 2021 akan diadakan?
Proses pengagihan bertempat di sekolah yang terlibat di antara 3-7 Mei 2021.

Bagaimanakah anda boleh membantu?
Anda boleh membantu dengan membuat sumbangan ke akaun:
JK Khidmat Masyarakat FTMK
1541 3806 6684 (MAYBANK)

Emailkan bukti transaksi kepada zahriah@utm.edu.my

Sebarang persoalan sila hubungi Pn Zuraini Othman (0125290235)

Tempoh sumbangan adalah dari hari ini hingga ke 25 April 2021.

Semua sumbangan dalam tempoh ini akan dibelanjakan sepenuhnya untuk perbelanjaan penerima manfaat.

Info aktiviti boleh dilayari di laman web jawatankuasa khidmat masyarakat FTMK (rujuk infografik).

Sumbangan dan perhatian dari pihak Tuan/Puan kami dahului dengan ribuan ucapan terima kasih.

Anjuran,
JK ICT dan Masyarakat
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) UTeM
Universiti Teknikal Malaysia Melaka - UTeM
#myftmk

Shopping RAYA 2021 (1442 H)

Berama FTMK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA Jadikan Hari Raya Mereka Lebih Bermakna!

Sumbangan anda amat DIPERLUKAN

SASARAN PENERIMA
50 PELAJAR SEKOLAH KELAINAN UPAYA (OKU) & ASNIF NESTOR NEGERI MELAKA

SUMBAWKAN SEBARANG AMALIN
1541 3806 6684 (MAYBANK)
JK KHIDMAT MASYARAKAT FTMK

NILAI MANFAAT
RM150 UNTUK SEORANG

MAKLUMAT PROGRAM
• Web: <http://ftmk.utm.edu.my/zkm/oku6684.html>
• PIC: Pn Zuraini (012-529 0235)

JK ICT & Masyarakat FTMK

Contoh muat naik bagi promosi aktiviti yang dijalankan di media sosial FTMK, UTeM.

Sedekah Amalan Murni

Oleh: Prof. Madya Dr. Robiah Yusof

SEDEKAH adalah pemberian sesuatu barang/pertolongan dari seseorang kepada makhluk Allah SWT yang memerlukannya. Ianya dilaksanakan secara ikhlas bagi menghampirkan dirinya kepada Allah. Daripada perspektif keimanan ianya merupakan keyakinan seseorang itu pada janji Allah. Implikasinya, seseorang itu tidak akan berkira untuk mengeluarkan sejumlah harta kepunyaannya sebagai bukti kecintaannya pada Allah SWT. Walaubagaimanapun, perkara yang utama yang perlu disertakan ketika bersedekah adalah NIAT YANG IKHLAS, kerana setiap amalan yang tidak disertakan dengan niat merupakan amalan yang sia-sia.

Sedekah tidaklah dikhususkan kepada aktiviti berkaitan dengan harta semata-mata, ianya merangkumi segala amal atau perbuatan yang baik. Di antaranya, perkataan atau kalimah yang baik adalah sedekah, membuang duri atau halangan di jalan adalah sedekah, hatta dengan memberi senyuman kepada orang lain juga termasuk dalam kategori bersedekah. Dengan kata lain, bersedekah adalah merupakan salah satu amalan yang terpuji dan murni yang tujuannya adalah tidak lain hanyalah untuk mengembirakan serta meringankan masalah orang lain di sekelilingnya. Untuk memastikan amalan ini tidak sia-sia, Rajah 1 merupakan panduan paling asas untuk melakukan amalan bersedekah.



Terdapat banyak kelebihan bersedekah. Ianya akan diperolehi samada di dunia maupun di akhirat. Di antara kelebihan bersedekah adalah seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Kelebihan yang akan diperolehi oleh yang bersedekah

Kesimpulannya, sedekah merupakan satu amalan yang murni. Semakin banyak kita bersedekah semakin luas pintu rezeki akan dibuka oleh Allah. Rezeki tidak semestinya datang dalam bentuk kekayaan harta sahaja. Sihat itu rezeki, keluarga bahagia itu rezeki, fikiran tenang itu rezeki, dapat menjalin hubungan baik sesama insan itu juga rezeki. Oleh itu, jadikanlah amalan sedekah ini sebagai salah satu aktiviti istiqamah yang perlu kita laksanakan dalam kehidupan harian kita. Semoga kita semua akan termasuk dalam salah satu daripada tujuh golongan yang dinaungi oleh Allah SWT pada hari kiamat kelak.

Sumber:

- [1] <https://www.mais.gov.my/>
- [2] <https://shafiqolbu.wordpress.com/2014/12/24/makna-sedekah-dan-pengertian/>
- [3] <https://ms.wikipedia.org/wiki/Sadaqah>



Jauhi HASAD DENGKI

Oleh: Ts. Erman Hamid

Pernahkah kita dihujani keadaan, bilamana kita rasa terganggu melihat nikmat dan kehidupan orang lain, kita jadi sakit hati dan mulalah kita cerca mencerca, mengadu domba, malah memburuk-burukkan dan memfitnah orang tersebut?

Orang dapat cahaya mata, kita tidak suka. Anak orang dapat kejayaan, kita meluat. Orang naik pangkat, kita dengki. Nama orang disebut-sebut oleh kebaikannya, kita rasa jelik. Apabila pula orang mendapat musibah, kita jadi sangat gembira, kita pula yang terlebih-lebih meraikan kesusahan orang lain dengan lebar senyum yang tidak terhingga.

'Nauzubillah hi minzalik'.

Ketahuilah bahawa sesungguhnya, sifat hasad dengki dan iri hati seseorang terhadap seseorang mukmin yang lain, seumpama menghabiskan pahala si penghasad tersebut sebagaimana api menghabiskan kayu yang terbakar. Hangus dan rentung.

'Allahuakbar'. Ini sejenis penyakit, dan ianya harus dijauhi. Ianya mesti kita hindari semahu-mahu daripada menguasai diri kita. Ianya mesti kita elakkan daripada bersarang dalam hati, mengotorkan hati-hati kita yang hakikatnya suci bersih, dengan dosa dan noda yang datangnya daripada bisikan-bisikan syaitan yang direjam.

Kita iri bila orang lain membeli kereta baharu, kita rasa tidak senang bila orang lain mendapat kejayaan, kita sakit hati bila orang lain mendapat manfaat dan kebahagiaan, kita dengki tanpa sebab sebaik sahaja melihat orang lain menerima puji-pujian, atau apa-apa sahaja ketidak puasan yang tercalit dalam hati kita yang hitam oleh apa sahaja yang berlaku kepada orang lain, kadang kala tanpa orang itu sedar langsung bahawa kita berhasad pada mereka!

'Nauzubillah hi minzalik', moga Allah jauhkan perangai buruk ini daripada mendekat, dan terus bersarang di dalam diri dan sanubari kita. Moga Allah simpankan kita, rakan-rakan dan keluarga kita daripada dirundung sikap yang dilarang dan dibenci Allah ini daripada terus menggelumang dan sebatи menjadi kebiasaan.

Lantas apa perlu kita lakukan jika hasutan hawa nafsu jahanam ini mula membisik-bisik untuk kita mendengki, hasad dan mula mengadu domba, malah memfitnah mereka-mereka yang kita dengkikan? Lantas apa yang perlu kita lakukan untuk tidak terjerumus dan tergelincir ke lembah dosa dan noda, ke lubuk kesyaitanan yang kotor jiwa?

'Istighfar'. Dan cepat-cepat sambuti ia dengan lafadz 'Masya Allah' atas rasa takutkan Allah dan turut ia dengan rasa gembira atas nikmat yang Allah kurniakan kepada manusia lainnya. Doakan semoga Allah tambahkan nikmat dan kebaikan kepada mereka sungguhpun pada awalnya doa kita itu tidaklah ikhlas lantaran rasa iri dan dengki yang kuat bersarang dalam hati.

Tidak mengapa! Pedulikan bisikan syaitan yang hakikatnya bersifat menghasut untuk menjerumuskan kita ke lembah dosa dan kehinaan. Kuatkan diri kita untuk mesra dan ikhlas kepada setiap nikmat yang Allah berikan kepada manusia selainnya selain kita. Kukuhkan jiwa kita dengan perasaan suci dan bahagia kepada nikmat yang manusia lain rasa.

Ingat, jangan langsung mengungkit-ungkit lagi akan apa sahaja manfaat dan kejadian kepada orang lain yang bisa mencetuskan gejolak kesyaitanan terus-terusan menyerangi hati dan sanubari kita. Berhenti berasa iri, segerakan 'istighfar' dan terus susul ia dengan doa-doaa kebaikan, moga Allahkekalkan nikmat yang Allah beri kepada mereka dengan pada masa yang sama memberikan kita kefahaman akan hikmahnya.

Henti mempersoal tentang kenapa dia berbeza dengan kita. Henti dihasut lintasan fikiran tentang kenapa dia dapat itu dan kenapa dia beroleh ini, kerana hakikatnya apa yang berlaku itu semuanya dengan izin Allah jua adanya. Hatta yang kita dengkikan, maki hamun dan adu domba itu semua hakikatnya dilakukan orang lain tersebut dengan izin Allah juga. Cukup beranikah kita setelah menyedari yang kita perlehkan itu semua hakikatnya dilakukan mereka dengan izin Allah jua adanya?

Masih beranikah kita memprotes, memaki dan menghina sesuatu yang dilakukan oleh hamba Allah lainnya, yang hidup dalam landasan rahmat dan kasih sayang Allah sebagaimana kita juga bernafas dan berdiri dengan rahmat dan kasih sayang yang sama? Jika ibu bapa kita kecil hati dan marah oleh dengki dan hinaan orang kepada kita disebabkan kita anak kepada kedua ibu bapa kita, tidakkah kita sedar bahawa yang kita dengkikan dan hina semahu-mahu itu adalah hamba Allah yang Allah rahmati sebagaimana Allah rahmati kita juga? Tidak takutkah kita kepada murka Allah? Tidakkah kita takut?

Paling ditakutkan, kita betah berdiri dengan bongkok mendengkikan orang-orang lain dengan perkataan-perkataan membinasakan, tanpa orang tersebut sedikitpun membalasi kejahatan yang kita lakukan. Tidakkah kita risau hasad dengki dan perkataan-perkataan buruk kita itu menjadikan orang tersebut tergolong dalam golongan orang teraniaya, yang jika mana mereka meratap mengadu akan perbuatan kita itu kepada Allah boleh sama sekali menyebabkan Allah murka kepada kita dan kita akan mendapat balasan olehnya?

'Nauzubillah hi minzalik'.

Dari Abu Hurairah RA ia berkata, Rasulullah SAW bersabda, "Kalian jangan saling mendengki, jangan saling najasi, jangan saling membenci, jangan saling membelakangi!"

[HR Muslim Imam Ahmad, Ibnu Mâjah, Al-Baihaqi, Al-Baghawy]

Terang jelas lagi bersuluh, perkara hasad, iri hati dan dengki ini sememangnya telah lama mengelumangi manusia sampai ianya menjadi perkataan berulang-ulang Rasulullah SAW yang diriwayatkan berulang-ulang kali oleh para Sahabat.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Allah Azza wa Jalla menjelaskan dalam banyak ayat al-Quran tentang hal ini juga, yang antaranya seperti firman-Nya yang berbunyi:

"Banyak di antara ahli kitab yang ingin sekiranya mereka dapat mengembalikan kamu setelah kamu beriman, menjadi kafir kembali, karena rasa dengki dalam hati mereka, setelah kebenaran jelas bagi mereka..."

[Surah al-Baqarah 2:109]

Maka jika ianya (yakni sikap dengki mendengki) ini telah memberih dan sebatи dalam diri kita sendiri; maka sedar, insaf dan bertaubatlah kerana ia (yakni sikap dengki mendengki) adalah sifat tercela, sifat orang-orang yang takabbur sehingga merosak amal dan kehidupan kita sendiri. Allah melarang manusia mengharapkan segala kelebihan dan keutamaan yang Allah berikan kepada orang lain dan ini dinyatakan dengan jelas dalam firman-Nya yang berbunyi:

"Dan janganlah kamu iri hati terhadap kurnia yang dilebihkan Allah kepada sebahagian kamu atas sebahagian yang lain. (Kerana) bagi (setiap) lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan bagi (setiap) perempuan (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan. Mohonlah kepada Allah sebahagian dari kurnia-Nya. Sungguh Allah Maha Mengetahui (akan) segala sesuatu."

[an-Nisa 4:32]

Hati...

Wahai hati...

Berbicaralah dengan sesuatu yang bermanfaat
Berdetik dengan sesuatu yang mulia dan positif
Berbisik dengan sesuatu yang indah dan baik
Demi berusaha mencari reðha Ny

Wahai Hati...

Tenanglah dikau dalam segala urusan
Ikhlaslah dikau dalam segala perbuatan dan perkataan
Bersihlah dikau dari segala prasangka, dengki dan khianat
Indahlah dikau dengan segala sudut dan pandangan
Kerana dikau penentu kehidupan

Wahai Hati...

Hadirmu amat penting buat semua insan
Penentu corak dan warna-warna kehidupan
Kerana.. Ditempatmu bermula ...
Sesuatu yang baik, yang cantik, yang elok, yang indah, dan yang celaka
Buat mereka bergelar manusia

ya Allah

Engkaulah pemegang hati-hati kami..
Ikhlaskan hati-hati kami
Bersihkan hati-hati kami
Cantikkan hati-hati kami
Indahkan hati-hati kami
Tetapkan hati-hati kami
Pancarkanlah cahaya Mu di hati-hati kami
Dengan iman, ihsan dan taqwa
Serta sentiasa bersyukur atas nikmat dan kurniaan Mu...

Nukilan
Prof. Madya Dr. Siti Rahayu Selamat
11 Mac 2021; 18:56



**FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI,
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
HANG TUAH JAYA
76100 DURIAN TUNGGAL, MELAKA**



اوینیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاکا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PENERBIT UTeM Press

Laman Sesawang : www.utem.edu.my/penerbit

Kedai Buku Atas Talian : utembooks.utem.edu.my

Emel : penerbit@utem.edu.my